

## KANDUNGAN

|   |    |
|---|----|
| Apakah Jawapan Anda?<br>.....   | 2  |
| Rangka Keyakinan .....  | 4  |
| ASAS:<br><i>Wibawa Alkitab</i> .....  | 6  |
| TIANG 1:<br><i>Pekerjaan Kristus</i> .....                                    | 9  |
| TIANG 2:<br><i>Iman Anda<br/>dalam Kristus</i> .....                          | 13 |
| TIANG 3:<br><i>Ketaatan Anda<br/>Kepada<br/>Perintah Kristus</i> .....        | 17 |
| TIANG 4:<br><i>Kasih Anda Terhadap<br/>Orang Kristian<br/>Yang Lain</i> ..... | 22 |
| BATU PENUTUP<br><i>Keyakinan<br/>Dari pada Roh</i> .....                      | 25 |
| Bantahan .....  | 29 |
| Perjalanan Peribadi .....   | 36 |
| Senarai Semakan<br>Keyakinan<br>Penyelamatan .....                            | 39 |

## KEYAKINAN PENYELAMATAN

**M**ungkinkah anda tahu bahawa dosa anda telah diampuni? Adakah anda pasti bahawa anda akan pergi ke syurga? Bagaimanakah hal ketakutan terhadap penghakiman Tuhan dan kemungkinan pergi ke neraka? Bolehkah anda mengerti tanpa ragu-ragu bahawa Tuhan telah menyelamatkan anda daripada kesan kekal yang disebabkan oleh dosa?

Oleh itu, bekas editor urusan kami, Kurt De Haan menjawab soalan-soalan seperti ini berdasarkan Alkitab. Dan tumpuan utama dalam kajian ini adalah berdasarkan surat pertama rasul Yohanes, yang menyebut tentang keyakinan penyelamatan. Kami berdoa semasa anda membaca buku ini, anda akan menemui jawapan yang anda perlu.

*Martin R. De Haan II*

## APAKAH JAWAPAN ANDA?

**A**dakah anda suka makan ayam? Bagaimana dengan daging rendang? Mahukah anda pergi ke Kutub Selatan? Adakah anda gembira dengan ekonomi negara kita? Kalau orang diminta mengundi atas soalan seperti ini, mereka akan memberi salah satu jawapan di bawah:

- YA
- TIDAK
- TIDAK PASTI

Pendapat tentang sama ada seseorang pasti bahawa dia akan pergi ke syurga juga tergolong dalam salah satu jawapan di atas. Ada orang jawab ya, ada orang jawab tidak, dan ada pula masih tidak pasti.

Idea-idea di bawah mewakili pelbagai jawapan yang mungkin dijawab oleh orang lain, apabila mereka ditanya tentang pengharapan

atas hidup sejati dan kekal. Lihatlah sama ada anda dapat mengenal pasti jawapan ini.

### **Tidak bimbang.**

“Saya berpendapat ini amat membuang masa untuk tahu sama ada saya akan pergi ke syurga atau tidak. Tiada jawapan yang pasti pun. Saya hanya akan tahu apabila saya mati.”

### **Sangat takut.**

“Nampaknya saya selalu menghampakan Tuhan. Dan apabila saya gagal mentaati Tuhan, saya takut akhirnya saya akan pergi ke neraka.”

**Percaya kepada janji Tuhan.** “Saya pasti saya akan pergi ke syurga kerana janji dalam ayat Alkitab seperti Yohanes 5:24. Saya yakin kepada janji Tuhan yang difirmankan oleh-Nya.”

**Mengingati ‘suatu hari’.** “Saya tahu saya akan pergi ke syurga kerana saya ingat hari yang saya berdoa untuk menerima Kristus dalam hidup saya.”

**Berserah kepada Tuhan.** “Saya tidak berani berkata bahawa saya akan pergi ke syurga. Tuhan yang membuat keputusan.”

**Berasa tidak layak.** “Kadangkala saya berasa Tuhan mengasihi saya dan akan membawa saya ke syurga. Namun, apabila saya kecewa, saya berasa tidak layak untuk pergi ke syurga dan tiada harapan.”

**Bergantung pada kasih Tuhan.** “Jika Tuhan adalah penyayang seperti dikatakan oleh orang lain, Dia tidak akan menghantar sesiapa ke neraka.”

**Menggantikan perasaan dengan fakta.** “Saya tahu saya diselamatkan bukan berdasarkan perasaan tetapi berdasarkan kenyataan. Saya percaya Alkitab mempunyai fakta-fakta itu.”

**Cuba menjadi orang baik.** “Saya cuba sedaya upaya untuk menjadi orang baik. Saya memperlakukan

---

*Keyakinan  
penyelamatan  
bukan berdasarkan  
perasaan tetapi  
berdasarkan  
kenyataan.  
Alkitab mempunyai  
fakta-fakta itu.*

---

orang seperti saya mahu diperlakukan mereka. Bukankah ini jenis orang yang Tuhan mahu daripada saya? Jika saya mengikuti teladan kasih Tuhan, saya pasti saya akan selamat pada hari penghakiman.”

## **GILIRAN ANDA**

Jika ada orang tanya sama ada anda yakin kepada penyelamatan anda. Apakah jawapan anda? Kenapa? Jika anda jawab ya, maka anda tidak akan berasa asing terhadap tajuk utama buku kecil ini. Bagaimanapun, seterusnya buku ini

akan membantu anda untuk menilai kepastian anda tentang syurga dan menggalakkan anda bergantung pada kebenaran firman Tuhan.

Namun, jika anda jawab tidak atau tidak pasti, maka anda harus berhati-hati: Buku kecil ini akan mencabar anda untuk berfikir tentang semua isu ini. Buku ini disusun untuk memberikan jawapan berdasarkan Alkitab, supaya membantu anda menyusun fakta ini dan menilai perasaan anda.

## RANGKA KEYAKINAN

**B**agaimanakah anda tahu *apa-apa* dengan pasti? Contohnya jika anda tinggal di kawasan gempa bumi, bagaimanakah anda pasti bahawa rumah anda tidak akan runtuh pada hari ini atau keesokan harinya? Tindakan yang

melegakan hati adalah memeriksa rangka rumah atau pangsapuri yang anda tinggal dan mencari tahu bahawa asas, dinding dan atap rumah anda adalah dibina dengan kukuh dan boleh dipercayai—bahkan boleh menahan gegaran gempa yang sangat kuat.

Dengan cara yang sama, bagaimanakah anda tahu bahawa pengharapan anda terhadap syurga akan menjadi kenyataan apabila penghakiman Tuhan yang memusnahkan datang? Kita akan diyakinkan jika boleh dibuktikan bahawa pengharapan anda bukan cerita rekaan. Bukti seperti ini boleh didapati bagi kita. Surat pertama Yohanes dalam Perjanjian Baru menggambarkan bukti yang boleh memberikan kita keyakinan yang kuat. Jika kita menggambarkan bukti ini sebagai unsur dalam suatu rangka kepercayaan, kita akan melihat setiap

bagian bukti ini menguatkan sehingga menyempurnakan struktur kepercayaan.

Enam unsur yang diterangkan dalam rangka Yohanes tentang keyakinan ialah:


- Wibawa Alkitab
- Pekerjaan Kristus
- Iman Anda Dalam Kristus
- Ketaatan Anda kepada Perintah Kristus
- Kasih Anda Terhadap Orang Kristian Yang Lain
- Keyakinan Daripada Roh

Gambar rajah yang akan kita gunakan di sepanjang kajian ini menggambarkan perkembangan yang logik tentang kebenaran. Ini penting supaya seseorang boleh berkata bahawa dia pasti dengan penyelamatannya. Asas untuk keyakinan ini mesti berdasarkan wibawa Firman Tuhan. Empat tiang

penyokong berdiri tegak di bawah asas ini. Setiap tiang merupakan bukti bahawa penyelamatan kita adalah terjamin. Pekerjaan Kristus yang sudah selesai dan kepercayaan kita sendiri dalam Tuhan adalah alasan yang kukuh supaya kita mempunyai keyakinan. Alkitab juga memberitahu kita bahawa ketaatan kita kepada perintah Kristus dan kasih kita kepada orang Kristian yang lain merupakan bukti bagi iman yang sejati dan menyelamatkan. Batu penutup yang terletak di atas tiang adalah keyakinan dalaman yang diberikan oleh Roh Kudus kepada kita. Roh Tuhan menunjukkan kebenaran Firman Tuhan, kerja Kristus yang sempurna, hakikat iman kita, dan bukti ketaatan dan kasih kita.

## **ASAS: Wibawa Alkitab**

dan projek itu terpaksa dihentikan.



Asas yang kukuh adalah penting bagi setiap kepercayaan. Seperti sebuah bangunan, ia mesti dibina pada asas yang kukuh. Ini digambarkan apabila sebuah syarikat tenaga yang besar ingin membina sebuah loji tenaga nuklear. Berjuta-juta dolar telah dihabiskan bagi pembinaan besar yang akan menempatkan reaktor nuklear ini. Namun, pemeriksaan atas bangunan ini menunjukkan bahawa asasnya tidak cukup kukuh. Sebagai keputusannya, keselamatan komuniti di situ menjadi tidak terjamin

Tuhan mahu orang Kristian pasti dengan penyelamatan mereka. Oleh itu, Dia telah membina asas kebenaran yang kukuh—banyak kenyataan tentang keyakinan kepercayaan boleh didapati dalam ayat Alkitab. Salah satu bahagian utama dalam Alkitab yang menyebut tentang kepastian asas ini boleh didapati di dalam Perjanjian Baru, surat Yohanes yang pertama (1 Yohanes). Permulaan surat Yohanes telah menjelaskan tujuannya dengan terang. Dia menulis:

Kami menulis surat kepada kamu tentang Firman yang memberikan hidup, yaitu Firman yang telah ada sejak permulaan. Kami sudah mendengarnya, dan kami sudah melihatnya dengan mata kepala sendiri. Kami sudah melihatnya dan kami sudah menyentuhnya dengan tangan. Ketika hidup sejati dan kekal itu dinyatakan, kami melihatnya. Itulah sebabnya kami memberikan kesaksian tentangnya. Kami memberitahu kamu tentang hidup sejati dan kekal, yang bersama-sama Bapa, dan yang sudah ditunjukkan kepada kami. Kami pun memberitahu kamu apa yang sudah kami lihat dan dengar, supaya kamu bersama-sama kami turut menghayati hidup bersatu dengan Bapa dan

dengan Anak-Nya Yesus Kristus. Kami menulis hal ini supaya kita benar-benar gembira (1 Yohanes 1:1-4).

Perkara pertama yang ingin dibuktikan oleh Yohanes adalah segala tulisannya tentang Kristus boleh dipercayai. Kedua, dia ingin berkongsi kegembiraan penyelamatan dengan mereka.

---

**“Iman tidak berdasarkan apa-apa sahaja, ia berdasarkan fakta.”**

**Os Guinness**

---

Kata-kata rasul bukan sahaja sesuai untuk pembacanya pada abad pertama, malah ia juga sesuai untuk kita pada hari ini. Berdasarkan ilham Tuhan kepada Yohanes ketika menulis surat pertamanya, kita boleh

tahu apa yang diperlukan untuk menyenangkan hati Tuhan, dan pasti dengan pengampunan serta berdamai dengan-Nya.

Yohanes ingin pembacanya tahu bahawa catatannya akan memberi keyakinan besar kepada mereka. Daripada kata-

### **KATA-KATA YANG MEYAKINKAN**

- “Memang inilah kehendak Bapa-Ku: Semua orang yang melihat Anak lalu percaya kepada-Nya akan beroleh hidup sejati dan kekal, dan Aku akan membangkitkan mereka pada Hari Kiamat” (Yohanes 6:40).
- “Aku memberi mereka hidup sejati dan kekal, dan mereka tidak akan binasa. Tidak seorang pun dapat merampas mereka dari tangan-Ku” (Yohanes 10:28).
- “Aku mengenal siapa yang aku percayai. Aku yakin bahawa Dia berkuasa menjaga apa yang telah dipercayakan-Nya kepadaku sehingga Hari Kiamat” (2 Timotius 1:12).

Semasa Yohanes menyimpulkan suratnya, dia mengingatkan pembacanya sekali lagi untuk memberi perhatian kepada tulisannya. Dia memberitahu mereka:

*Aku menulis surat ini kepada kamu yang percaya kepada Anak Allah, supaya kamu tahu bahawa kamu sudah mempunyai hidup sejati dan kekal (1 Yohanes 5:13).*

kata rasul, dan bahagian seterusnya yang kita baca dalam Alkitab, kita tahu bahawa asas bagi iman kita didapati dalam Alkitab yang diilhami Tuhan.

Untuk mencapai tujuan mengkaji buku kecil ini, kita akan menumpukan perhatian terutamanya pada kebenaran yang meyakinkan dalam surat pendek Yohanes.



**Renungkan.** Apakah yang akan berlaku kepada sebuah rumah jika ia dibina di atas pantai berpasir apabila angin kuat meniup dan ombak menghempasnya? Kenapa perasaan tidak boleh menjadi asas yang baik untuk membina keyakinan penyelamatan kita? Pernahkah anda berasa ragu-ragu tentang hubungan anda dengan Tuhan? Kenapa keadaan yang sukar membolehkan kita mencurigai tentang apa yang difirmankan Tuhan? Adakah anda bersedia untuk menerima Alkitab sebagai dasar keyakinan penyelamatan anda?

### **TIANG I: Pekerjaan Kristus**

Jika anda tiada pekerjaan dan berhutang bank sebanyak \$90,000, anda mungkin berasa tiada harapan dalam keadaan sebegini. Tetapi, jika seorang jutawan memberitahu

anda bahawa dia akan menjelaskan hutang anda, dan masukkan \$1 juta dalam akaun anda? Apa lagi yang anda perlu buat tentang hutang itu? Pastilah anda menerima hadiah itu dan keluarkan duit daripada akaun bank yang kini tidak berhutang.

Bagaimanakah akaun rohani kita dengan Tuhan? Yesus telah melakukan segala sesuatu yang perlu untuk memberikan penyelamatan yang sempurna kepada setiap orang yang pernah hidup dan akan hidup. Hutang dosa yang besar telah dilunaskan. Dan ini termasuklah anda, tidak mengira betapa besarnya dosa itu atau betapa seringnya anda berdosa.

**Ia Memenuhi Tuntutan Tuhan.** Rasul Yohanes menulis bahawa pengorbanan Yesus adalah cukup untuk memenuhi tuntutan suci Tuhan bagi

## KEYAKINAN ROH

K  
R  
I  
S  
T  
U  
S

I  
M  
A  
N

K  
E  
T  
A  
A  
T  
A  
N

K  
A  
S  
I  
H

## WIBAWA ALKITAB

pengadilan. Oleh kerana Tuhan adalah sempurna, Dia tidak boleh membenarkan dosa (1 Yohanes 1:5-6). Namun ada harapan bagi orang berdosa. Yohanes menyatakan:

*Dan Ia [Yesus Kristus] adalah pendamaian untuk segala dosa kita, dan bukan untuk dosa kita saja, tetapi juga untuk dosa seluruh dunia.*

*(1 Yohanes 2:2-Alkitab TB).*

Perkataan *pendamaian* bermaksud memenuhi tuntutan keadilan Tuhan. Sifat Tuhan menuntut Dia melakukan sesuatu terhadap dosa kita. Namun, selain menghakimi kita kerana kita patut menerima

penghakiman Tuhan, Dia menunjukkan kasih-Nya kepada kita. Tuhan menghantar anak tunggal-Nya untuk menanggung dosa kita dan menjadi objek kemurkaan Tuhan terhadap dosa. Jika kita telah menerima pengampunan Kristus, maka kita diampuni dan tidak perlu takut lagi tentang hukuman kekal bagi dosa.

Di dalam Perjanjian Lama, Tuhan berfirman, “... Darah, iaitu nyawa, menghapuskan dosa” (Imamat 17:11). Darah binatang tidak boleh memberikan korban yang sempurna. Korban di dalam Perjanjian Lama

merujuk lebih awal kepada pengorbanan Tuhan Yesus Kristus di atas kayu salib.

### **Sudah Selesai.**

Kebenaran agung dalam 1 Yohanes berkaitan dengan kerja Yesus Kristus yang sempurna. Ia ditekankan di sepanjang Perjanjian Baru. Di atas kayu salib Yesus berkata, “Sudah selesai!” (Yohanes 19:30). Dia tahu Dia telah menerima cawan kemurkaan Tuhan. Kerjanya sudah selesai. Ia begitu sempurna sehingga Tuhan tidak perlu menuntut lebih daripada kita supaya ditambahkan ke atas pengorbanan Yesus—kerja baik peribadi, upacara keagamaan, dan kerja yang memematkan tidak diperlukan. Kita hanya perlu menyerahkan diri sendiri kepada Dia!

### **Penyelamatan Diberikan Kepada Kita.**

Yohanes memberitahu kita, “Sesiapa yang mempunyai Anak Allah, mempunyai

hidup itu; dan sesiapa yang tidak mempunyai Anak Allah, tidak mempunyai hidup itu” (1 Yohanes 5:12). Yesus memberikan kehidupan rohani yang baru kepada semua yang percaya kepada-Nya (Yohanes 7:37-38). Oleh sebab Kristus telah mengalahkan dosa dan kematian melalui pengorbanan-Nya yang menebus jiwa orang dan kebangkitan-Nya yang menang, kita boleh didamaikan dengan Tuhan. Pengorbanan Yesus Kristus menghapuskan segala dosa kita, menyenangkan hati Tuhan, melepaskan kita daripada belenggu dosa, menyelamatkan kita daripada kemurkaan Tuhan, dan membolehkan kita menghadapi hadirat Tuhan dengan suci.

Tuhan mahu anda bersandar pada pekerjaan Tuhan yang telah dilakukan dengan sempurna. Pengorbanan-Nya

mempunyai nilai yang tidak terbatas. Penyelamatan diberikan kepada semua orang yang ingin menerima hadiah ini. Rasul Paulus menulis:

*Hal itu demikian, kerana dengan rahmat Allah, kamu diselamatkan oleh sebab kamu percaya kepada Yesus. Penyelamatan itu bukan hasil usaha kamu sendiri, melainkan kurnia Allah. Oleh itu kamu tidak mempunyai alasan untuk bercakap besar tentang hal itu (Ef 2:8-9).*

Jika kita menerima pemberian Kristus, kita boleh berseru dengan rasul Paulus, “Marilah kita bersyukur kepada Allah bagi pemberian-Nya yang tidak terhingga” (2 Kor 9:15).

**Renungkan.** Apakah yang telah anda percaya supaya anda diterima oleh Tuhan dan dibantu untuk pergi ke syurga? Bolehkah anda menebus

---

**“Berita baik bukan satu set ajaran berenang bagi orang yang lemas. Malah ia adalah pengampunan dan penangguhan hukuman mati kepada seseorang yang tidak layak menerimanya.”**


**Paul Little**

---

dosa anda hanya dengan berbuat baik? Bersyukurlah kepada Tuhan kerana segala sesuatu yang dilakukan-Nya untuk memberikan anda penyelamatan.

## TIANG 2: Iman Anda Dalam Kristus

ini sama sahaja kalau anda ingin pergi ke syurga.



Jika anda ingin terbang dari New York ke Paris, anda akan pergi ke lapangan terbang, membeli tiket, dan menaiki kapal terbang. Tiada gunanya bagi anda duduk di terminal lapangan terbang dan berkata, "Ya, saya tahu kapal terbang boleh dipercayai dan juruterbang telah dilatih dengan baik, dan saya akan pergi ke Paris kalau saya menaiki kapal terbang itu." Anda harus menaiki kapal terbang. Tidak cukup jika hanya mengetahui kebenaran; anda harus bertindak. Kenyataan

**Apakah Iman?** Iman melibatkan jawapan terhadap kebenaran yang kita tahu tentang Yesus Kristus. Apabila kita berkata beriman dalam Kristus, ini bermakna kita meluahkan kepercayaan dan kebergantungan kepada Dia. Pengakuan berdasarkan pemahaman bahawa Yesus adalah satu-satunya Tuhan yang boleh membawa kita ke syurga adalah tidak cukup. Pengetahuan semata-mata tentang perkara yang dilakukan Tuhan adalah cukup untuk menebus dosa kita juga tidak memadai. Kita

mesti percaya kepada-Nya, menerima pemberian-Nya, dan menyerahkan diri sendiri ke dalam tangan-Nya.

Kita membaca di dalam 1 Yohanes 5:1: “Sesiapa percaya bahawa Kristus Penyelamat yang diutus oleh Allah, orang itu anak Allah.” Iman anda dalam Yesus Kristus—kepercayaan anda bahawa Dia memang Kristus, Anak Tuhan—inilah syarat Tuhan bagi anda supaya menjadi ahli keluarga-Nya.

Yohanes juga memberitahu kita, “Allah hidup bersatu dengan orang yang mengakui Yesus itu Anak Allah, dan mereka hidup bersatu dengan Allah” (1 Yohanes 4:15). Orang mungkin menganggap Yesus sebagai orang perkasa yang pernah hidup, sebagai teladan yang ulung untuk kita ikuti, ataupun pemberita kasih Tuhan yang hebat. Namun, jika mereka tidak mengakui Dia sebagai Anak Tuhan, mereka tidak diselamatkan.

**Apakah Yang Dibuktikan Oleh Iman?** Kepercayaan anda pada Yesus Kristus merupakan bukti yang pasti bahawa Roh Kudus telah mengurniai anda hidup baru. Orang yang menentang atau tidak menerima Kristus tidak menunjukkan hidup baru yang dikurniai oleh Roh Kudus. Yohanes menulis:

*Kita tahu bahawa Allah hidup bersatu dengan kita, kerana Dia telah mengurniai kita Roh-Nya (1 Yohanes 3:24). Inilah caranya kamu boleh mengetahui sama ada roh itu Roh Allah atau tidak: Sesiapa mengakui Yesus Kristus datang ke dunia sebagai manusia, orang itu mempunyai Roh yang datang daripada Allah (1 Yohanes 4:2).*

Rasul Paulus menyatakan, “... tidak seorang pun dapat mengatakan, ‘Yesuslah Tuhan!’ kecuali orang itu dipimpin oleh Roh Allah”

(1 Korintus 12:3). Sekarang, kita semua tahu bahawa semua orang boleh berkata “Yesuslah Tuhan.” Namun Paulus merujuk lebih daripada bertutur perkataan ini. Maksudnya tiada sesiapa boleh menyebut Yesus sebagai “Tuhan” untuk meluahkan keyakinan dalam hatinya “kecuali orang itu dipimpin oleh Roh Allah.”

Mungkin anda risau kerana anda mengesyaki bahawa iman anda tidak benar. Kita semua pernah menyaksi perkara seperti ini. Seorang lelaki muda buat-buat menerima Kristus kerana perempuan yang ingin dipikatnya telah berkata dia tidak akan keluar dengan lelaki itu kecuali dia menjadi orang Kristian. Kadangkala orang mempercayai Yesus Kristus kerana mereka sedang mengalami gangguan emosi, lalu mereka melupakannya pada pagi keesokan hari.

---

***“Kita diberitahu bahawa Kristus mati untuk kita, dan kematiannya menyucikan dosa kita, dan dengan mati Dia mengalahkan kematian itu sendiri. Inilah formula. Inilah kepercayaan Kristian. Inilah yang harus kita percaya.”***

**C. S. Lewis**

---

Jika anda tidak pasti sama ada iman anda adalah iman sejati, selidikilah sebab anda berfikir begitu. Mungkin ini disebabkan oleh pengakuan dahulu anda yang bersifat cetek dan tidak ikhlas. Mungkin ini juga disebabkan anda tidak pernah faham akan apa yang telah

dilakukan oleh Kristus untuk anda sehingga sekarang, dan anda tidak menyadari bahawa anda tidak boleh pergi ke syurga berdasarkan hasil usaha sendiri. Kalau begitu, ambillah masa sekarang untuk menaruh kepercayaan penuh kepada Kristus demi penyelamatan anda. Kukuhkan iman anda berdasar pada perkara yang telah diberitahu oleh Alkitab tentang Kristus.

Mungkin anda boleh mengimbas kembali masa tertentu dalam kehidupan anda apabila anda memutuskan untuk menaruh kepercayaan penuh dan ikhlas kepada Kristus sebagai Penyelamat dan Tuhan anda. Kalau begitu, keraguan anda pada masa ini mungkin lebih disebabkan oleh perasaan yang tidak boleh dipercayai, dan bukan kerana keadaan rohani anda yang sebenar. Dalam keadaan begini, kenyataan bahawa anda betul-betul mengambil berat

tentang keadaan rohani anda merupakan tanda yang amat menggalakkan.

Jika anda mengakui dosa anda dan mengakui anda memerlukan pengampunan, jika anda minta supaya Tuhan menyelamatkan anda, percaya bahawa Kristus telah menanggung semua hukuman dosa anda, anda telah melakukan semua yang dituntut oleh Tuhan. Anda boleh pasti bahawa anda telah diselamatkan. Percayalah kepada janji Tuhan. Bersyukurlah kepada Tuhan kerana penyelamatan anda. Dan apabila keraguan muncul pada masa depan, bercakaplah dengan Tuhan tentang keraguan ini dan renungkanlah kata-kata dalam Alkitab.

**Renungkan.** Adakah anda percaya bahawa Yesus Kristus mati disalibkan untuk menanggung dosa anda? Adakah anda percaya bahawa kerja penyelamatan-Nya untuk anda sudah




selesai? Adakah anda bergantung kepada apa yang tertulis di dalam Alkitab? Jika anda boleh jawab ya kepada soalan-soalan di atas, apakah yang anda harus buat apabila keraguan tentang penyelamatan anda mulai merisaukan anda? Jika anda telah menyatakan iman anda dalam Kristus, adakah anda menyaksikan bukti dalam kehidupan anda yang menunjukkan bahawa anda adalah anak Tuhan?

### **TIANG 3: Ketaatan Anda Kepada Perintah Kristus**

Beberapa jabatan polis mempunyai anjing yang

terlatih untuk melaksanakan tugas polis. Orang amat kagum melihat haiwan ini menjalankan tugasnya. Anjing ini mempunyai hubungan yang istimewa dengan orang yang menjadi tuannya, kerana ia dilatih untuk bertugas bersama-sama dia. Anjing ini mempunyai sifat ketaatan yang kuat, dan bertindak cepat terhadap arahan tuannya. Sama ada anjing meronda di sepanjang jalan atau mengejar penjenayah, sudah pasti kita tahu anjing ini kepunyaan siapa. Anjing polis yang cepat menurut suara tuannya menyatakan identitinya.



Dengan cara yang sama, orang yang percaya kepada Yesus Kristus sepatutnya boleh dikenalpasti dengan mudah dengan ketaatan mereka kepada Tuhan. Ketaatan ini ditandai dengan patuh kepada perintah-Nya dan bertaubat daripada dosa.

**Taat Kepada Perintah-Nya.** Kita membaca lagi 1 Yohanes:

*Jika kita taat kepada perintah Allah, itulah tandanya kita mengenal Dia (1 Yohanes 2:3).*

Ayat Alkitab ini memberitahu bahawa kita yang menerima Yesus sebagai Penyelamat boleh pasti bahawa penyelamatan kita adalah benar kerana kita taat kepada perintah Tuhan.

Mungkin anda mempunyai pemahaman yang kukuh terhadap kebenaran doktrin tentang pekerjaan Yesus Kristus yang sempurna, dan anda telah menerima Dia sebagai Penyelamat anda,

---

***“Orang yang percaya akan taat kepada perintah Tuhan; orang yang gagal mentaati perintah Tuhan merupakan bukti yang nyata bahawa iman sejati tidak wujud.”***

**A.W. Tozer**

---

---

namun ada masanya anda mengesyaki bahawa iman anda hanya berada pada tahap pengetahuan sahaja. Mungkin anda terdorong kerana keinginan mengambil berat tentang keadaan rohani anda merupakan bukti bahawa iman anda adalah benar—namun anda inginkan bukti yang lebih ketara. Inilah buktinya: Lihatlah kelakuan anda! Jalankan ujian ini, “Adakah saya taat kepada perintah Tuhan?”

Anda sepatutnya mudah mengenal pasti sama ada kehidupan anda ditandai oleh ketaatan. Sudah tentunya kami tidak bercadang anda mesti mentaati kesemua perintah Kristus dengan sempurna. Tiada sesiapa boleh melakukannya. Rasul Yohanes telah membantah kuat terhadap orang yang berkata “kita tidak berdosa” dalam surat ini (1:8,10). Dia telah memberitahu kita bahawa pengampunan dan penyucian harian oleh Tuhan yang penuh rahmat atas dosa kita adalah melalui pengakuan kita (1:9). Namun, selama ini dia menyatakan dengan jelas bahawa kehidupan orang percaya harus dicirikan sebagai orang yang melakukan kehendak Tuhan, dan bukan berbuat dosa. Ambillah penilaian yang jujur terhadap kehidupan anda. Jika anda menyedari bahawa anda memang

mengasihi Tuhan Yesus dan mentaati perintah-Nya, anda boleh menganggap ini sebagai tanda anda telah dilahirkan semula.

Ingatlah, anda tidak perlu menjadi sempurna. Dan penyelamatan anda tidak berdasarkan ketaatan. Namun jika anda betul-betul ingin mentaati perintah Kristus, dan anda menyaksi pertumbuhan anda dalam kesucian, anda mempunyai satu lagi alasan untuk percaya bahawa anda betul-betul diselamatkan.

**Bertaubat Daripada Dosa.** Bahagian lain tentang ketaatan kepada perintah Kristus adalah penolakan dosa dalam hidup kita.

*Jika kita berkata bahawa kita hidup bersama dengan Dia, padahal kita hidup dalam kegelapan, maka kita berdusta baik dengan kata-kata mahupun dengan perbuatan (1 Yohanes 1:6). Oleh itu, setiap orang yang hidup*

*bersatu dengan Kristus, tidak terus-menerus berbuat dosa. Sesiapa yang terus-menerus berbuat dosa, tidak pernah melihat Kristus ataupun mengenal Dia. Anak-anakku, janganlah biarkan sesiapa pun menipu kamu. Sesiapa melakukan kehendak Allah, dia anak Allah, seperti Kristus. Sesiapa terus-menerus berbuat dosa, dia anak Iblis, kerana Iblis berdosa sejak permulaan. Justeru untuk hal inilah Anak Allah datang bagi memusnahkan pekerjaan Iblis. Sesiapa yang menjadi anak Allah, tidak terus-menerus berbuat dosa kerana sifat Allah sendiri ada padanya. Kerana Allah itu Bapanya, dia tidak dapat terus-menerus berbuat dosa (1 Yohanes 3:6-9).*

Ayat-ayat Alkitab ini kedengaran seperti Yohanes

berkata bahawa kita tidak boleh berdosa sama sekali sebelum kita pasti boleh masuk syurga. Namun Yohanes tidak bermaksud begini. Penekanannya adalah untuk menunjukkan bahawa kita yang mengaku percaya kepada Kristus telah meninggalkan kematian dan kini hidup, telah meninggalkan kegelapan dan masuk ke dalam terang. Namun, jika seseorang mengakui diri sebagai orang Kristian tetapi terus-menerus hidup dalam dosa—tidak mentaati perintah Tuhan dan hidup seperti orang yang tidak percaya—maka orang seperti itu berdusta.

Hidup seseorang yang percaya tidak dicirikan dengan dosa tetapi dicirikan dengan melakukan perkara yang betul dalam pandangan Tuhan. Dengan kata lain, maksud Yohanes adalah: jika anda menyatakan iman kepada Kristus, maka kehidupan anda akan

menunjukkannya. Anda tidak akan suka menjalani kehidupan yang berdosa.

Yohanes menyebut bahawa penyucian dosa tersedia bagi orang Kristian yang berbuat dosa (1 Yohanes 1:9). Walaupun orang Kristian berbuat dosa, namun dosa tidak boleh menguasai dia dan dia tidak akan menyerah dirinya kepada kehidupan yang tidak berakhlak (Roma 6:11-14).

Maka, ketaatan kita kepada perintah Kristus mempunyai aspek yang positif dan negatif: Kita harus taat kepada perintah Kristus, dan bertaubat daripada dosa. Jika hidup kita ditandai oleh ketaatan seperti ini, kita mempunyai satu lagi alasan yang kukuh untuk memastikan bahawa kita milik Kristus.

**Renungkan.** Apabila anda membaca atau mendengar ajaran Alkitab, adakah anda mentaati perintah Tuhan dengan

segera? Senaraikan beberapa bahagian dalam kehidupan anda yang menunjukkan anda anak Tuhan dan berhubungan dengan Yesus Kristus. Jika anda tahu anda telah mempercayai Kristus tetapi tidak mentaati perintah-Nya, mintalah pengampunan Tuhan sekarang dan buatlah komitmen yang baru untuk mentaati Dia.

---

*Jika hidup kita ditandai oleh taat kepada perintah Tuhan, ini adalah satu lagi alasan yang kukuh untuk memastikan bahawa kita milik Kristus.*


---

## **TIANG 4: Kasih Anda Terhadap Orang Kristian Yang Lain**

Dalam banyak kegiatan kehidupan, orang diertakan kerana mereka suka perkara yang sama, tetapi mereka tidak semestinya suka antara satu sama lain. Contohnya, ahli-ahli dalam pasukan besbol mungkin tidak suka satu sama lain, namun mereka main bersama kerana mereka suka sukan ini. Ataupun ahli orkestra mungkin tidak bercakap di kalangan ahli, namun mereka berkumpul kerana kesukaan mereka akan muzik.

## **Kita Berbeza Dengan Mereka.**

Kita yang percaya kepada Yesus Kristus seharusnya berbeza daripada orang lain. Pertama-tama kita patut mengasihi Dia, dan kita berkumpul kerana tujuan yang sama. Namun Alkitab berkata bahawa hubungan kita harus melebihi tahap itu. Kita bukan sahaja mengasihi Kristus, malah kita harus saling mengasihi. Sebenarnya, kasih kita kepada orang Kristian yang lain begitu penting dan ini menjadi satu alasan lagi untuk mendasarkan keyakinan akan penyelamatan kita. Bacakan lagi dalam kitab 1 Yohanes:



*Kita tahu bahawa kita hidup dan sudah meninggalkan kematian, kerana kita mengasihi saudara-saudara kita. ... Anak-anakku! Janganlah kita mengasihi hanya dengan kata-kata belaka. Kita harus saling mengasihi dengan kasih yang sejati, yang dibuktikan dengan perbuatan. Demikianlah caranya kita tahu bahawa kita tergolong sebagai anak-anak Allah yang benar, dan hati kita tenang di hadapan Allah (ayat 3:14,18-19).*

Yohanes berkata bahawa kasih anda terhadap orang Kristian yang lain akan memberikan anda keyakinan bahawa anda adalah ahli dalam keluarga Tuhan. Ini merupakan ciri yang patut ditunjukkan dengan nyata dalam kehidupan anda. Walau bagaimanapun, anda mungkin mempunyai ketidakpastian tentang jenis

kasih yang dirujuk oleh Yohanes. Perkataan *kasih* sahaja mempunyai banyak makna bagi ramai orang. Namun, apabila Yohanes berkata tentang kasih kita kepada orang percaya, maknanya jelas.

**Kita Adalah Satu Keluarga.** Yohanes menggunakan perkataan *kasih* untuk menerangkan kesatuan orang Kristian yang ada dalam Kristus. Perhatikan dia menyebut mengasihi “saudara-saudara” secara khusus, dan dia menggunakan perkataan *saudara* sebanyak tujuh kali (lihat 1 Yohanes 3:13-17). Betul, Alkitab menyatakan dengan jelas bahawa orang Kristian harus mengasihi segenap manusia, dan menginginkan penyelamatan bagi semua orang. Namun di sini rasul Yohanes berkata bahawa kasih kita terhadap orang Kristian yang lain merupakan bukti penyelamatan. Dia

menarik perhatian kita kepada kenyataan bahawa kita adalah satu keluarga. Kita saling mengasihi dengan cara yang istimewa kerana kita adalah saudara dan saudari dalam Kristus. Seluruh konsep “persekutuan” dalam surat pertama ini mempunyai idea berkongsi. Dan sifat berkongsi ini adalah pernyataan kesatuan dalam Kristus.

Adakah anda suka bersekutu dengan orang Kristian yang lain? Adakah anda suka berkongsi kesaksian tentang penyelamatan yang diterima dengan satu sama lain? Kalau begini, ini merupakan bukti selanjutnya bahawa anda adalah anak Tuhan.

**Kita Harus Rela Berkorban.** Kasih jenis persaudaraan ini yang patut ditunjukkan oleh setiap orang Kristian di antara satu sama lain bukan berdasarkan perasaan. Ini

adalah kasih yang aktif. Kasih ini rela berkorban. Kasih Yesus merupakan teladan yang menyerahkan hidup-Nya untuk kita.

*Dengan jalan ini kita mengetahui cara mengasihi orang lain: Kristus sudah menyerahkan hidup-Nya untuk kita. Oleh itu kita harus menyerahkan hidup kita untuk saudara-saudara kita! Jika seorang kaya melihat saudaranya yang miskin memerlukan pertolongan, tetapi tidak mahu menolong saudaranya itu, bagaimanakah dia dapat berkata bahawa dia mengasihi Allah? (1 Yohanes 3:16-17).*

Kasih yang tidak mementingkan diri, rela berkorban, dan serupa Kristus merupakan dasar keyakinan kepercayaan kita. Selepas rasul Yohanes menuntut kita untuk menjalani kehidupan



yang penuh kasih dan mentafsirkan maknanya, dia membuat kenyataan ini, “Demikianlah caranya kita tahu bahawa kita tergolong sebagai anak-anak Allah yang benar, dan hati kita tenang di hadapan Allah” (3:19). Ayat ini patut meyakinkan anda.

**Renungkan.** Adakah anda mengasihi Yesus Kristus? Adakah anda mengasihi keluarga rohani-Nya? Bacalah 1 Korintus 13:4-6 dan kaji semula sifat-sifat kasih. Baca juga Filipi 2:1-11 dan perhatikan hubungan di antara kesatuan kita dengan Kristus dan kasih kita terhadap orang Kristian yang lain. Adakah dinding

kepahitan yang menghalang anda untuk mengasihi orang percaya yang lain? Ambillah tindakan sekarang untuk meruntuhkan penghalang di antara anda dan binalah kasih persaudaraan.

## **BATU PENUTUP: Keyakinan Daripada Roh**

Bayangkan anda ialah juruterbang sebuah kapal terbang kecil. Semasa anda terbang, anda boleh memeriksa kelajuan dengan melihat ke bawah dan mencari tanda tempat yang anda tahu, atau anda boleh melihat pada penunjuk arah kapal terbang. Ini akan menjadi satu gangguan jika



kompas menunjukkan anda berada pada tempat yang tepat malah pandangan darat kelihatan asing bagi anda, atau sebaliknya. Namun, apabila kompas dan pandangan darat adalah setara, anda tidak perlu bimbang kerana anda berada pada arah yang betul untuk pergi ke tempat tujuan anda.

Apabila kita berkata tentang keyakinan daripada Roh, kita sedang berkata tentang kepastian secara dalaman bahawa kita adalah anak Tuhan. Orang yang percaya kepada Alkitab tahu bahawa dia telah menjadi anak Tuhan melalui iman. Namun orang itu juga mempunyai kepastian berdasarkan kehadiran Roh Kudus. Dalam 1 Yohanes kita membaca:

*Kita tahu bahawa Allah hidup bersama dengan kita, kerana Dia telah mengurniakan kita Roh-Nya (3:24). Sesiapa yang percaya kepada*

*Anak Allah, mempunyai kesaksian itu di dalam hatinya (5:10).*

**Mengesahkan Apa Yang Kita Tahu.** Roh kita sendiri boleh memberitahu bahawa kita adalah anak Tuhan. Ini kerana keyakinan kita terbina di atas 5 alasan yang telah kita bincangkan:

- Wibawa Alkitab
- Pekerjaan Kristus
- Iman Kita Dalam Kristus
- Ketaatan Kita Kepada Perintah Kristus
- Kasih Kita terhadap Orang Kristian Yang Lain

Roh Kudus mengesahkan dalam hati kita bahawa perkara yang kita percaya adalah benar. Sebenarnya, kita tahu bahawa Roh Tuhan terlibat dalam setiap langkah keyakinan kepercayaan kita. Roh Tuhan membantu kita mengakui kebenaran Firman Tuhan. Roh Tuhan menolong kita mengakui pekerjaan Kristus yang

sudah sempurna. Roh Kudus memberi keyakinan bahawa iman kita adalah benar. Apabila kita hidup dengan mentaati perintah Tuhan, Dia mendorong kita untuk meneruskannya. Dan Roh Tuhan yang mewujudkan kasih dalam kita untuk mengasihi orang percaya yang lain, mengesahkan bahawa kasih ini merupakan satu ciri bagi orang Kristian.

### **Bekerjasama Dengan Roh Kita.**

Pengalaman kita selaras dengan Roma 8:16, "Roh Allah bersama dengan roh kita menyatakan bahawa kita anak-anak Allah." Perhatikan, teks ini tidak berkata Roh bersaksi *kepada* roh kita, sebaliknya Dia bersaksi *bersama* dengan roh kita. Ini bermakna Dia menguatkan kesaksian yang telah kita terima daripada roh kita sendiri.

### **Menghasilkan Kedamaian Dalam.**

Agama atau falsafah yang

---

**"Roh yang  
dikurniakan oleh  
Allah kepada kamu  
tidak memperhamba  
kamu, sehingga  
kamu hidup dalam  
ketakutan. Sebaliknya  
Roh Allah menjadikan  
kamu anak-anak  
Allah, dan dengan  
kuasa Roh Allah kita  
memanggil Allah  
"Bapa, ya Bapaku!"  
Roh Allah bersama  
dengan roh kita  
menyatakan bahawa  
kita anak-anak Allah."**

**Roma 8:15-16**

---


diciptakan oleh manusia boleh membantu orang menghadapi tragedi dan kematian dengan berani. Mereka sanggup pun

memujuk penganut mereka menyerahkan hidup. Namun mereka tidak boleh membuat pengikut mereka berkata bahawa “Tiada sesuatu pun dapat menghalang Kristus mengasihi kita: baik kesusahan, kesukaran, penganiayaan, kelaparan, kemiskinan, bahaya mahupun kematian”, kuasa rohani, apa-apa yang telah berlaku atau akan berlaku, mahupun jarak (Roma 8:35-39).

Anda boleh mendapat keyakinan yang bersukacita dan menang! Jika anda telah menerima Yesus Kristus sebagai Penyelamat anda, keyakinan penyelamatan

harus didasarkan pada apa yang ditulis dalam Alkitab. Kristus telah memenuhi tuntutan suci Tuhan untuk anda. Penyelamatan telah diberikan sebagai hadiah percuma. Tuhan hanya minta anda percaya kepada Dia. Kemudian periksalah kehidupan anda untuk mencari bukti ketaatan kepada perintah Kristus dan kasih anda kepada orang Kristian yang lain. Jika anda berbuat demikian, Roh Tuhan akan bersaksi bersama dengan roh anda.

**Renungkan.** Ambillah beberapa minit untuk mengkaji semula bukti bagi keyakinan kepercayaan



yang telah dibincang dalam buku kecil ini. Apa yang akan terjadi jika harapan penyelamatan anda didasarkan pada perasaan dan bukan kebolehpercayaan firman Tuhan? Bagaimana kalau anda tidak ingat tentang kerja penyelamatan Kristus yang sudah selesai? Bagaimana kalau anda mula berfikir Tuhan tidak hanya meminta iman daripada anda? Bagaimana kalau anda sudah biasa tidak taat kepada perintah Tuhan yang jelas? Bagaimana jika anda gagal mengasihi saudara-saudari Kristian anda? Bagaimana Roh Kudus menggunakan Firman Tuhan untuk bersaksi bersama dengan roh kita?

## **BANTAHAN**

**W**alaupun Alkitab telah memberikan alasan yang baik supaya kita yakin kepada hubungan kita dengan

Tuhan dan pengharapan kita untuk hidup sejati dan kekal. Namun, bukannya semua orang diyakinkan. Alasannya banyak. Dalam bahagian ini, mula-mula kita akan melihat tiga orang wakil yang telah bergelut dengan keyakinan. Kemudian kita akan berbincang dua bahagian Alkitab yang sukar difahami. Akhirnya, kita akan mempertimbangkan beberapa faktor keperibadian yang menyebabkan banyak keraguan muncul dalam pemikiran ramai orang.

## **KAJIAN KES**

Kisah benar yang berikut merupakan contoh tentang jenis masalah yang dihadapi oleh orang Kristian tentang keyakinan.

### **Kes Pertama.**

Seorang wanita tua yang akan meninggal tidak lama lagi berkata kepada anak lelakinya, "Saya mempercayai Yesus Kristus. Saya mengasihi Dia dan

---

*“Sekarang saya  
berasa baik  
terhadap hubungan  
saya dengan  
Tuhan. Namun  
bukannya selalu  
saya mempunyai  
perasaan seperti ini.  
Saya selalu  
mendapati diri saya  
bimbang terhadap  
masa depan.”*

---

---

telah coba hidup untuk Dia. Namun saya tidak melakukannya dengan sempurna. Sekarang saya hanya boleh berharap agar iman saya diterima oleh Tuhan.” Dia meninggal seperti mana dia hidup—dengan ketidakpastian yang menyedihkan.

**Kes Kedua.** Pemilik sebuah bisnis kecil setia

menghadiri gereja dan berbelas kasihan terhadap orang miskin. Namun dia tidak pernah yakin bahawa dia akan pergi ke syurga. Dia berkata kepada seorang pastor, “Sekarang saya berasa baik terhadap hubungan saya dengan Tuhan. Namun bukannya selalu saya mempunyai perasan seperti ini. Saya selalu mendapati diri saya bimbang terhadap masa depan. Saya takut saya akan meninggal dengan segera selepas melakukan dosa yang berat.”

Seterusnya dia memetik penerangan Paulus tentang memikirkan penyelamatan kita dengan rasa takut dan gementar, kemudian dia berkata dia takut akan ditinggalkan. Dia menyimpulkan dengan berkata, “Pastilah saya ingin tahu sama ada saya akan pergi ke syurga atau tidak—namun saya rasa ini tidak mungkin terjadi.”

**Kes Ketiga.** Seorang suri rumah tangga yang muda telah menerima Tuhan beberapa tahun yang lalu dan mengalami perubahan yang luar biasa. Dia percaya bahawa keyakinan ini wujud dan dia ingin mendapatkannya. Namun dia dihantui oleh perasaan yang ragu-ragu dan takut terhadap segala sesuatu—termasuklah hubungannya dengan Tuhan.

Kekurangan keyakinan bagi penyelamatan dalam kes-kes ini berasal daripada dua sumber: (1) Mereka salah mentafsirkan bahagian Alkitab yang utama, dan (2) keadaan emosi mereka sendiri.

## **AYAT ALKITAB YANG SUKAR DIFAHAMI**

Ada beberapa orang inginkan keyakinan, namun mereka terganggu oleh tafsiran beberapa bahagian Alkitab yang tertentu. Kita hanya akan mengkaji dua ayat ini,

dan kami percaya ini boleh menjadi model tentang cara mentafsirkan ayat-ayat lain yang kelihatan bertentangan dengan doktrin keyakinan.

### **I Korintus 9:27.**

Ayat ini membuat beberapa orang Kristian risau kerana ini menyatakan penolakan meskipun setelah melayani Kristus dengan setia selama bertahun-tahun. Paulus menulis:

*Aku melatih diri dengan giat supaya aku dapat menguasai diri. Aku berbuat demikian, supaya aku tidak ditolak, setelah aku mengkhabarkan Berita Baik kepada orang lain.*

Apakah maksud Paulus tentang 'ditolak'? Untuk menjawab soalan ini, kita mesti mengkaji pernyataan lain yang telah dibuat oleh rasul dalam subjek ini. Apabila kita membaca suratnya, kita mendapati dia menyatakan kepastiannya dalam beberapa bahagian

ayat Alkitab. Dia tahu dia ialah anak Tuhan, dan pewaris seperti Yesus Kristus. Dia tahu tiada sesuatu pun dapat memisahkan dia daripada Tuhan. Bacalah kesimpulan dalam Roma 8 dan rasai suasana yang penuh kepastian dan sukacita. Bacalah Filipi 1 dan perhatikan Paulus berkata bahawa kematian lebih berfaedah. Kemudian bacalah 2 Timotius, yang ditulis sebelum dia dihukum mati. Paulus begitu yakin! Apabila anda membaca 1 Korintus 9:27, maka, anda mesti ingat bahawa ayat ini ditulis oleh seorang yang tahu dia sedang pergi ke syurga.

Sambil mengingat ini, mari kita lihat konteks dan maksud perkataan Yunani yang diterjemahkan sebagai "ditolak." Perkataan akarnya bermakna, "yang tidak lulus ujian." Ini dikatakannya kerana Paulus merujuk kepada hadiah yang

---

***“Iman tertumpu pada Firman Tuhan yang terang-terangan; percaya kepada Firman Tuhan memberikan keyakinan yang penuh.”***

**H. A. Ironside**

---

diberikan kepada pemenang dalam pertandingan Olimpik, dan dia mungkin berfikir hadiah ini sama dengan hadiah yang diberikan di takhta pengadilan Kristus (2 Korintus 5:10). Dia hanya berfikir dia ditolak untuk menerima hadiah. Dia tidak mahu kehilangan hadiah kerana gagal melayani dan memuaskan hati Tuhannya. Namun dia tidak takut kehilangan penyelamatannya.

**Filipi 2:12.** Ajaran Paulus bahawa kita



harus terus berusaha untuk menyempurnakan penyelamatan kita tidak menyenangkan beberapa orang.

*Oleh itu, saudara-saudaraku yang tercinta, sebagaimana kamu sentiasa taat kepadaku ketika aku bersama-sama kamu, lebih mustahak lagi kamu taat kepadaku sekarang ini ketika kita berjauhan. Allah sudah menyelamatkan kamu, oleh itu kamu harus terus berusaha untuk menyempurnakan kesejahteraan kamu. Lakukanlah hal itu dengan penuh hormat kepada Allah.*

Perhatikan bahawa Paulus tidak berkata kita mesti bekerja untuk mendapat penyelamatan. Perkataan Yunani yang diterjemah sebagai “terus berusaha” merujuk kepada “terus diusahakan sehingga selesai.” Paulus merujuk

penyelamatan sebagai proses yang berterusan, melalui pertumbuhan dan perkembangan kita dalam kepercayaan Kristian.

---

***Hanya satu kesimpulan boleh dibuat: Ayat-ayat Alkitab tidak bercanggah dalam ajaran keyakinan penyelamatan.***

---

Filipi 2:12 tidak menyebut apa-apa tentang mendapatkan penyelamatan. Ini merujuk kepada proses pendewasaan sambil bekerjasama dengan Tuhan, yang “sentiasa bekerja di kalangan kamu untuk membuat kamu mahu dan sanggup melakukan apa yang dikehendakinya” (ayat 13). Frasa “dengan penuh hormat” menunjukkan kekaguman

yang patut mengisi hati kita semasa kita hidup dari hari ke hari, bersandar pada Tuhan dengan rendah hati dan menanti-nanti akan kemuliaan kita pada masa depan.

Kita telah melihat dua bahagian Alkitab yang telah merisaukan beberapa orang yang sedang mencari keyakinan. Dan tiada satu pun bahagian Alkitab ini menafikan kemungkinan kita boleh yakin akan penyelamatan kita. Mungkin kita akan berjumpa dengan ayat Alkitab lain yang juga sukar difahami. Namun apabila ayat Alkitab ini difahami berdasarkan bahagian Alkitab yang lain, percanggahan ini akan diselesaikan. Hanya satu kesimpulan boleh dibuat: Alkitab tidak bercanggah dalam ajarannya bahawa kita boleh yakin kepada penyelamatan kita.

## **FAKTOR KEPERIBADIAN**

Seperti disebut di atas, sesetengah orang mengakui Alkitab mengajar kemungkinan bahawa keyakinan itu wujud, namun nampaknya mereka tidak dapat mencari keyakinan itu untuk diri sendiri. Contohnya suri rumah yang muda dalam kes ketiga. Dia mengakui dosanya, berdoa untuk orang lain, mencari pimpinan Tuhan, hidup dengan taat kepada perintah Tuhan, dan dia seorang penyayang. Namun dia selalu bimbang bahawa dia bukan anak Tuhan.

Ramai orang Kristian dihantui oleh keraguan. Jika anda adalah salah seorang daripada mereka, jangan salahkan diri sendiri. Masalah anda lebih berkaitan dengan keperibadian psikologi, dan bukan keadaan rohani anda. Jangan berasa kecewa.

Bayangkan gambaran ini. Seorang lelaki sedang

---

***“Apabila seseorang  
disertai Tuhan,  
dia selamat.  
Iblis hanya boleh  
membuat seseorang  
risau, dan bukan  
menyakiti dia.”***

**W. P. Loveless**

memancing di sebuah tasik yang tenang pada waktu malam. Airnya tenang, dan bayangan bulan penuh dipantulkan di dalam air tasik. Selepas merenungnya sebentar, dia melemparkan umpannya ke dalam bayangan itu. Imej itu terus berkecai, menjadi beribu-ribu bahagian. Adakah bulan itu betul-betul berkecai? Sudah tentunya tidak! Bayangan itu yang berkecai. Pemancing itu hanya perlu menengadah ke langit untuk memastikan bahawa bulan itu masih ada, bersinar-sinar dengan indah.

Demikian juga, sukacita atas penyelamatan orang Kristian juga boleh diganggu oleh keraguan, serangan iblis, keadaan yang sukar, ketakutan yang menyeksakan, atau kemurungan. Namun, kehilangan sukacita penyelamatan tidak bermaksud kita kehilangan penyelamatan itu sendiri. Orang percaya mesti bergantung pada kepercayaan kepada Tuhan dan pengesahan Firman-Nya supaya keyakinan penyelamatannya dipulihkan.

Jika anda dihantui oleh keraguan, perhatikan panduan berikut untuk mengekalkan keyakinan anda:

1. Bacalah Alkitab anda, terutamanya kitab 1 Yohanes, untuk memperingatkan anda sendiri tentang dasar penyelamatan yang kukuh.
2. Berhubunglah dengan Tuhan melalui doa,

- dan akui setiap dosa yang diketahui.
3. Taatlah kepada perintah Tuhan, dan lakukan perkara yang anda tahu adalah betul.
  4. Ambillah masa untuk bersama-sama orang Kristian yang imannya kuat, dan biarkan kasih mereka menolong anda.
  5. Tolong dan ambil berat orang lain kerana anda mengasihi mereka.
  6. Ketahui bahawa keraguan dan kekecewaan anda mungkin disebabkan oleh emosi dan bukan oleh hal kerohanian. Ini akan membantu anda mengelakkan rasa bersalah yang tidak perlu kerana beranggapan bahawa anda kekurangan iman.

## PERJALANAN PERIBADI

*Dennis De Haan, editor penyumbang Our Daily Bread bergelut dengan keraguan tentang penyelamatannya. Berikut adalah kisah tentang perjalanannya menuju keyakinan penyelamatan.*

**S**aya mula percaya kepada Kristus sebagai Penyelamat saya pada umur 15 tahun. Betapa saya ingin katakan bahawa saya tidak pernah mengesyaki sekalipun tentang penyelamatan saya. Namun saya tidak boleh. Pengalaman saya merupakan perjalanan yang sukar dan penuh keraguan, berbeza dengan “cerita dongeng” rohani yang berakhir dengan gembira. Apabila mengenangnya kembali, saya mendapati saya telah membuat kesalahan umum dengan

menyamakan keyakinan dengan perasaan yang positif. Apabila saya riang, saya berasa diselamatkan; jika saya muram, saya berasa bingung.

Hari ini, bila masa saya diselamatkan tidak penting, kerana saya menyedari bahawa keyakinan penyelamatan saya adalah berdasarkan Firman Tuhan yang tidak berubah, dan pekerjaan Yesus yang sudah selesai di kayu salib untuk menanggung dosa saya. Pengampunan dan pengharapan saya adalah berdasar pada Dia—bukan berdasarkan perasaan saya yang berubah-ubah.

Saya juga tahu bahawa sesetengah orang lebih mudah mengesyaki daripada orang lain kerana pembawaannya. Ada orang diberkati dengan keperibadian yang penuh harapan, dan pada umumnya mereka yakin kepada kehidupan. Manakala ada

orang mempunyai sifat yang suka mengkaji diri sendiri, berhati-hati, ada rasa takut dan amat sensitif. Tuhan tidak mencipta orang dengan keperibadian yang sama. Tomas, salah seorang pengikut Yesus sendiri pun adalah seorang yang ragu-ragu. Namun Yesus menerima Tomas walaupun dia penuh keraguan.

Alkitab mengajar bahawa keyakinan penyelamatan kita adalah kerja Roh Kudus, dan bersama dengan roh kita menyatakan bahawa kita anak-anak Tuhan (Roma 8:16). Saya mendapati pengesahan dalaman ini muncul apabila saya bersekutu dengan Kristus, taat pada Firman-Nya, dan menikmati kedamaian dalam kasih Tuhan. Saya mesti berhati-hati supaya tidak membenarkan kebencian atau niat jahat terhadap orang lain tinggal dalam hati saya. Apabila berasa ragu-ragu, saya cuba membuat

pemeriksaan yang jujur tentang kehidupan sendiri, kerana Roh Tuhan tidak

---

***“Saya bersyukur atas keraguan dalam beberapa segi, kerana keraguan memaksa saya untuk bertekad semula bahawa saya akan percaya kepada Tuhan, dan bersandar kepada Yesus dengan sepenuhnya.”***

---

boleh bersaksi bersama dengan roh saya apabila saya menyedihkan atau menghalang Dia dengan tidak taat kepada-Nya. Saya juga sedar bahawa sekiranya saya mengakui dosa dan bertaubat daripadanya, saya tidak perlu menangani dosa itu sekali lagi, kecuali saya berdosa lagi.

Kalau keraguan ini masih timbul, saya mesti menentanginya seperti menentang godaan. Namun, saya bersyukur atas keraguan dalam beberapa segi, kerana keraguan memaksa saya untuk bertekad semula bahawa saya akan percaya kepada Tuhan, dan bersandar kepada Yesus dengan sepenuhnya. Betapa seringnya saya hanya memberitahu Dia, “Ya Tuhan, saya tidak berasa diselamatkan, namun saya masih percaya kepada-Mu. Terima kasih kerana Engkau telah menyempurnakan segala sesuatu di atas kayu salib di Kalvari!”

Suatu hari kelak semua keraguan ini akan hilang dan kita akan bersemuka dengan Penyelamat kita. Namun sehingga kini kita hidup kerana percaya, bukan kerana melihat. Jika kita menumpukan perhatian dalam mentaati Firman

Tuhan dan mengingati segala yang telah dilakukan Kristus untuk kita, sesuatu yang mengagumkan akan berlaku. Secara perlahan namun dengan pastinya kita akan mula “mengesyaki keraguan kita dan percaya kepada kepercayaan kita”—dan dengan ini, melalui kesaksian Roh Kudus, keyakinan yang penuh berkat akan diberikan kepada kita.

## **SENARAI SEMAKAN KEYAKINAN PENYELAMATAN**

**J**ika anda telah menerima Kristus sebagai Penyelamat anda, keyakinan penyelamatan anda akan terus diteguhkan apabila anda boleh menjawab ya terhadap soalan-soalan berikut:

- Adakah saya menikmati persekutuan dengan

Tuhan, dengan Kristus, dan dengan orang percaya yang lain? (1 Yohanes 1:3-4).

- Adakah saya risau apabila saya berdosa atau ketika saya melihat orang lain berdosa? (1 Yohanes 1:5-10).
- Adakah saya cuba taat kepada perintah dalam Alkitab? (1 Yohanes 2:3-5).
- Adakah saya menolak nilai-nilai yang salah dalam sistem dunia kini? (1 Yohanes 2:15).
- Adakah saya mengasihi Kristus dan menanti-nanti kedatangan-Nya? (2 Timotius 4:8; 1 Yohanes 3:2-3).
- Adakah saya kurang berdosa berbanding dengan masa sebelum saya menjadi orang Kristian? (1 Yohanes 3:5-6).

- ❑ Adakah saya mengasihi orang percaya lain? (1 Yohanes 3:14).
- ❑ Pernahkah doa saya dikabulkan? (1 Yohanes 3:22; 5:15).
- ❑ Adakah saya menyedari bahawa Roh Kudus bersaksi tentang kebenaran Tuhan? (Roma 8:15-16; 1 Yohanes 4:13).
- ❑ Bolehkah saya membezakan kebenaran dan kesalahan secara rohani? (Yohanes 10:3-5, 27; 1 Yohanes 4:1-6).
- ❑ Adakah saya percaya kepada ajaran asas dalam kepercayaan Kristian? (1 Yohanes 5:1).
- ❑ Pernahkah saya mengalami bantahan kerana kepercayaan Kristian saya? (Yohanes 15:18-20; Filipi 1:28).

(Buku ini diubahsuai daripada *Salvation is Forever*, yang ditulis oleh Robert Gromacki.)

---

Buku Asli: *The Assurance of Salvation*

Petikan Alkitab daripada Alkitab Berita Baik,  
 © 1996 Bible Society of Malaysia  
 & Alkitab Terjemahan Baru  
 © 1974 Lembaga Alkitab Indonesia

© 2009, 2010, 2013, 2015 Our Daily Bread Ministries, Grand Rapids, Michigan

Hak Cipta Terpelihara.

E-mel: [orders@dhdmalaysia.com](mailto:orders@dhdmalaysia.com)